

Headline **Kesedaran pekerja seks**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **705 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,130**
PRValue **18,389**



Kesedaran pekerja seks

Usaha badan amal tempatan terhadap bahaya HIV/AIDS menyebabkan sebahagian besar daripada pekerja seks di Karachi, Pakistan kini mula ada kesedaran untuk melindungi diri daripada jangkitan HIV/AIDS.

SEBAGAI seorang pelacur yang lahir dan membesar di Jalan Napier, Karachi, Pakistan, Shumaila, 29, tidak pernah mendengar tentang perkataan HIV/AIDS sehinggalah baru-baru ini.

Hari ini, dia membawa kondom sewaktu 'bertugas' tetapi pelanggan-pelanggannya enggan memakai alat pelindung tersebut.

"Tiada seorang pun daripada kami yang sedar akan risiko dan bahaya AIDS selama ini. Tetapi, sekarang kami tahu bahawa kami boleh mengelakkan penyakit maut itu," katanya yang mendiami sebuah bangunan ala - Victoria di tengah-tengah kawasan perumahan itu.

Kesedaran Shumaila terhadap bahaya AIDS adalah sesuatu yang jarang dalam kalangan pekerja-pekerja seks Pakistan. Namun, terima kasih kepada pendedahan itu daripada sebuah badan dan acara amal tempatan, Forum Kesihatan Sistem Pembiakan dan Gender di Jalan Napier yang mengajar golongan pelacur tentang bahaya HIV/AIDS. Forum tersebut mengendalikan program-program yang dibiayai oleh Persekutuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Setakat ini, kami telah membekalkan ratusan ribu keping kondom kepada pekerja-pekerja seks dalam tempoh dua tahun lalu. Ini telah menyelamatkan mereka daripada terkena jangkitan maut virus HIV/AIDS," kata Mirza Aleem Baig, yang mengendalikan forum tersebut.

Berdasarkan satu data yang dikumpul oleh sebuah badan bukan kerajaan tempatan terdapat sejumlah 100,000 pekerja seks wanita di Karachi sahaja. Karachi merupakan kota metropolis terbesar di Pakistan dan juga salah sebuah bandar raya dengan bilangan umat Islam terbanyak di dunia.

"Bilangan ini hanyalah 20 peratus daripada keseluruhan populasi yang ada di Pakistan. Ini disusuli pula oleh Lahore yang memiliki seramai 75,000 pekerja seks," cerita Saleem Azam yang mengetuai acara amal tersebut kepada agensi berita AFP.

Headline **Kesedaran pekerja seks**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **705 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,130**
PRValue **18,389**

Kancah maksiat seperti pelacuran mungkin satu aktiviti haram. Namun, aktiviti ini kian bertambah maju di Pakistan ekoran kemerosotan status ekonomi dan jurang kemiskinan yang

besar. Seseengah wanita dan lelaki terpaksa mencari sumber pendapatan di jalanan demi menampung kos kehidupan yang semakin meningkat.

Seorang pekerja seks yang bekerja dari rumah, Shaheena, 38, juga seorang paramedik bertauliah. Malangnya, dia sukar untuk mendapatkan pekerjaan tetap.

"Jadi, saya memilih untuk menceburi bidang ini secara sampingan. Namun adik-beradik, sepupu dan anak-anak saudara tidak tahu tentang kerjaya kedua ini. Jadi, saya tidak ingin mendedahkan diri untuk memalukan mereka.

"Tetapi ini sebenarnya soal survival, kerana tiada seorang pun saudara-mara yang menyara saya. Mereka pun terlalu daif," katanya sambil menutupi wajahnya dengan kain tudung bagi melindungi identitinya.

Azam memberitahu, lebih 60 peratus daripada pekerja-pekerja seks di Pakistan bekerja dari rumah atau menjalani 'perdagangan' di jalanan. Golongan pekerja seks elit pula menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan kaya dari kawasan perumahan mewah.

Dalam laporan tahunan oleh PBB tentang kes jangkitan AIDS tahun ini, epidemik penyakit itu dilaporkan stabil di rantau Asia. Walaupun begitu, kadar kelaziman jangkitan HIV dilihat meningkat di sesetengah negara Asia seperti di Bangladesh dan Pakistan.

Satu kaji selidik dalam laporan tersebut mendedahkan 60 peratus da-

ripada pekerja seks wanita dan 45 peratus pelanggan mereka di Karachi dan Lahore tidak tahu kondom mampu mencegah jangkitan virus HIV.

Bagi yang tahu pula, tidak ramai yang mengambil langkah melindungi diri.

"Bilangan pelanggan kami yang bersetuju untuk memakai kondom adalah terlalu sedikit. Pada masa yang sama, tiada kondom wanita. Kalau tidak, ia akan lebih berkesan menyelamatkan kami," kata Nasreen, seorang pelacur di Jalan Napier.

Seorang lagi pelacur, Afshan, 29, pula memberitahu, peluang terdedah kepada serbuan polis dan ditangkap menjadi sebab mengapa dia tidak membawa kondom bersama ketika 'bertugas'.

Satu kaji selidik yang dijalankan oleh Program Pengawalan AIDS Kebangsaan (NACP) pada tahun 2006 men-

dedahkan, hanya 18 peratus daripada pekerja seks dilaporkan menggunakan kondom. NACP dikelola oleh kerajaan negeri Pakistan.

Laporan PBB pula menganggarkan sekitar 0.1 peratus daripada keseluruhan populasi atau 96,000 orang yang menderita HIV di Pakistan. Kerajaan Pakistan bagaimanapun berkata, hanya sekitar 5,000 orang yang terkena jangkitan.

Menurut NACP, penyakit tersebut berjangkit dalam kalangan berisiko tinggi khasnya penagih dadah yang biasa menggunakan suntikan jarum kotor. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana jangkitan virus mungkin berlaku dengan pantas daripada golongan penagih dadah kepada pelacur.

Pada tahun 2006, kerajaan Pakistan mendedahkan kadar kelaziman penyakit HIV/AIDS dalam kalangan pekerja seks wanita di negara itu adalah sekitar 0.02 peratus. Namun, badan-badan bebas menganggarkan bilangannya lebih tinggi daripada angka tersebut.

"Kami menganggarkan kadar kelaziman penyakit itu sekurang-kurangnya 15 peratus. Nasib pekerja-pekerja seks ini bergantung sepenuhnya kepada pelanggan mereka.

"Malangnya, sebahagian besar pelanggan mereka enggan memakai kondom," kata Azam.

Memandangkan kegiatan pelacuran merupakan satu perniagaan haram di Pakistan, maka, belum ada undang-undang yang boleh menangani isu itu secara serius. Jauh lagi untuk menyelamatkan nyawa.

Baig pula memberitahu, dia berjaya mengenal pasti seorang pekerja seks yang positif HIV beberapa bulan lalu. Dia juga cuba membantu mendapatkan rawatan serta satu pekerjaan baru untuk wanita tersebut. Sayangnya, dia telah menghilangkan diri kerana dicemuh oleh rakan seangkatan sebagai titik hitam dalam kerjaya pelacuran mereka.

"Kini, tiada siapa yang tahu di mana dia dan apa yang dia lakukan," katanya. - AFP

Headline **Kesedaran pekerja seks**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **705 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,130**
PRValue **18,389**



Headline **Kesedaran pekerja seks**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **705 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,130**
PRValue **18,389**



LAPORAN PBB mencatatkan epidemik penyakit AIDS di rantau Asia tahun ini stabil tetapi kadar kelaziman jangkitan dilihat semakin meningkat di sesetengah negara di benua itu.

Headline **Kesedaran pekerja seks**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Kosmo 2**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **705 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,130**
PRValue **18,389**

